



Received: 2020-01-31

Accepted: 2020-04-09

Published: 2020-08-28

Original Article

Institusi Pengajian Pondok di Selangor: Kajian terhadap Sejarah dan Perkembangan

Institution of Pondok in Selangor: A Study on its History and Development

Aisyah Ab Rahim^{a*} & Mohd Roslan Mohd Nor^a

^a Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya

* Corresponding author, email; isya.arahim@gmail.com

ABSTRACT

The establishment of Pondok institution has proven to be of great benefit to the Muslim community. In addition to being the Malay Muslim identity, pondok institutions has not only facilitate easier Islamic study through systematic education system but also create job opportunities, improve social standards and generate many local leaders in the fields of religion, education and leadership. The objective of this study is to study the institutions of pondok in Selangor and to re-introduce this traditional education system and its importance to the current generation. This study will also examine the factors that lead to the decline of pondok, identify it's weaknesses and efforts made to restore and improve pondok institution especially in Selangor.

Keywords: Institution of Pondok, Education, Selangor, Islam

Pendahuluan

Kedatangan dan perkembangan agama Islam ke Nusantara telah membawa banyak perkara positif di mana salah satu impak utama ialah perkembangan ilmu pengetahuan dan penubuhan institusi pendidikan seperti pondok. Sistem pendidikan pondok merupakan sistem pendidikan formal Islam terawal yang mula diperkenalkan di Alam Melayu. Kemunculan awal sekolah-sekolah pondok di semenanjung Tanah Melayu mula dikesan pada sekitar kurun ke-18 sehingga abad ke 20 sejak awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu.¹ Ia diwujudkan untuk memenuhi tuntutan masyarakat Islam yang masih memerlukan bimbingan yang sempurna dan mendalam terutama hal yang berkaitan dengan akidah dan ibadah. Peringkat pertama, pendidikan Islam tidak formal hanya dapat dipelajari di surau, masjid dan juga rumah alim ulama.² Sambutan yang menggalakan untuk masyarakat lebih mendalami ilmu-ilmu Islam menyebabkan rumah guru terpaksa diperluaskan malah dibina juga disekitarnya rumah-rumah kecil yang dikenali sebagai pondok untuk menyelesaikan masalah kediaman pelajar khususnya yang datang dari tempat yang jauh. Suasana ini telah melahirkan satu bentuk sistem pengajian baru yang terkenal dengan gelaran sistem pendidikan pondok. Menurut Azyumardi Azra, kehadiran pondok sebagai institusi pendidikan mampu memberi sumbangan penting dalam proses transmisi ilmu pengetahuan Islam (*transmission of Islamic knowledge*), pemeliharaan tradisi Islam (*maintenance Islamic tradition*) dan memupuk calon ulama (*reproduction of ulama candidate*), bahkan menjadi penyumbang kepada pembentukan dan pengembangan masyarakat beragama (*religious society*).³

Penjajahan British di Tanah Melayu pada abad ke-19 telah membawa banyak perubahan khususnya dalam aspek pendidikan, ekonomi aspek pentadbiran negara.⁴ Dari aspek pendidikan, kolonialisme British telah mewujudkan sistem pendidikan dualisme iaitu sistem pendidikan tradisional Islam yang diwarisi turun-temurun dan sistem pendidikan moden berasaskan kurikulum dari barat. Berbanding sistem pendidikan pondok Islam yang lebih mengutamakan pembelajaran dalam aspek keagamaan, sistem pendidikan moden secara umumnya menitikberatkan ilmu-ilmu moden dan sekular khususnya sains. Perkembangan zaman dan permintaan terhadap kepakaran tenaga kerja dari aliran sekular yang lebih memberi nilai ekonomi ini menjadikan pendidikan agama tidak mendapat tempat dalam pembelajaran arus perdana moden. Dalam sistem pendidikan sekular ini, kedudukan matapelajaran agama Islam hanyalah setaraf dengan kurikulum elektif seperti pendidikan jasmani dan pendidikan seni sahaja. Faktor ini menyebabkan sebahagian daripada masyarakat Melayu tidak bersetuju terhadap sistem pendidikan moden dan menghantar anak-anak mereka mengikuti sistem pengajian pondok bersifat tradisional. Kerisauan masyarakat Melayu terhadap pengaruh British yang terus berkembang di negeri-negeri selat yang secara langsung menggalakkan mubaligh-mubaligh Kristian menyebarkan ajaran Kristian ke sekolah-sekolah dan menterjemah teks Kristian ke Bahasa Melayu juga menjadi antara faktor utama kepada sokongan terhadap institusi pengajian pondok.⁵

¹ Ishak, S., & Shafie, F. (1998). Pondok sebagai satu pilihan tempat tinggal di kalangan orang tua. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

² Abdullah Ishak, Islam di India, Nusantara dan China, (Kl; Nurin Enterprise, 1992) 178-179.

³ Azyumardi Azra, Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam (Jakarta: PT Logos, 1999) 78.

⁴ Syed Husin, A. (1968). Patterns of rural leadership in Malaya. JMBRAS, 41, 95-145.

⁵ William R. Roff, Studies on Islam and Society in Southeast Asia (NUS Press Singapore, 2009), 117-118.

Faktor lain ialah disebabkan oleh pengaruh sekolah pondok yang sangat besar terhadap masyarakat Melayu. Selain mendidik pelajar-pelajar dan menghasilkan ramai ilmuan agama, para penduduk kampung juga banyak bergantung kepada komuniti pondok terutamanya pembantu guru dan pelajar-pelajar senior bagi membantu mendidik anak-anak mereka mengenal asas ilmu tauhid dan fardhu ain. Menurut Luqman Yusuf, masyarakat Melayu lebih memahami hukum hakam, akidah dan masalah-masalah yang berhubung dengan Islam melalui sistem pengajian pondok ini.⁶ Kerana itu, sistem pengajian pondok di Malaysia sudah tidak asing dalam kalangan masyarakat Melayu. Sekolah pondok bukan sahaja menjadi sebuah lambang kebanggaan kepada masyarakat Melayu Islam, malah komuniti pondok turut menarik pelbagai golongan masyarakat seperti warga tua dan kaum wanita, terutamanya janda dan balu yang menjadikan sekolah pondok sebagai tempat perlindungan.

Definisi Sekolah Pondok

Perkataan pondok adalah berasal daripada Bahasa arab iaitu “funduq” yang bermaksud kediaman sementara. Sistem persekolahan ini dinamakan pondok berdasarkan teratak kecil yang menjadi tempat tinggal para pelajar yang datang menuntut ilmu. Pondok-pondok kecil kebiasaannya dibina secara tersusun berhampiran dengan masjid dan juga kediaman pemilik pondok atau guru. Gabungan elemen-elemen binaan seperti rumah kecil, masjid, madrasah dan kediaman guru inilah yang kemudiannya dipanggil umum sebagai sekolah pondok. Sistem awal persekolahan pondok adalah berdasarkan sistem pesantren⁷ dari utara Sumatera dan Pattani di selatan Siam. Hampir semua sistem pondok adalah diasaskan secara individu oleh tenaga pengajar yang lebih popular dengan gelaran Tok Guru dikalangan masyarakat Melayu. Manakala sudah menjadi kebiasaan sekolah-sekolah pondok ini akan dinamakan sempena nama Tok Guru yang mengasaskannya. Antara pondok yang terawal didirikan di Selangor adalah Pondok Kiyai Haji Muhammad Ali (1917) di Sijangkang, Pondok Masyhudi di Sungai Pinang, Pondok Kiyai Darda’ (1937) di Sungai Pinang, Pondok Kiyai Haji Muhammad Khalil al-Jawi (1940), Pondok Kiyai Haji Husain (1944) di Sijangkang dan lain-lain lagi.

Para guru ini pula kebanyakannya berasal dari kawasan kampung dan daerah, serta ada juga yang berhijrah dari luar negara dan bermastautin di Tanah Melayu. Kesemua Tok Guru ini rata-ratanya merupakan hasil produk pendidikan Islam secara tradisional sama ada dari Mekah ataupun sekolah-sekolah pondok dan madrasah di Kelantan, Pattani dan negeri-negeri lain. Adalah menjadi kelaziman ketika itu, sekiranya terdapat Tok Guru yang terkenal berpindah ke sesuatu kawasan, maka ia akan menarik minat dan menjadi tumpuan bukan sahaja pelajar tempatan kawasan tersebut, malah juga pelajar dari tempat lain. Contohnya negeri Kelantan yang mempunyai bilangan sekolah pondok terbanyak telah menarik ramai pelajar dari negeri-negeri lain dan juga luar negara seperti Kemboja dan Sumatera.

Populariti sesebuah pondok sangat bergantung kepada kemasyhuran seseorang guru yang menguasai sesuatu disiplin ilmu Islam. Nilai keserjanaan yang dimiliki guru merujuk kepada ketinggian ilmu yang mereka miliki serta kemampuan mereka membahaskan secara mendalam

⁶ Luqman Yusuf. (2000). Keberkesanan Sistem Pengajian Pondok: Satu Kajian Khusus Mengenai Pusat Pengajian Pondok, Bachok Kelantan dari Tahun 1984 Hingga 1997. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁷ Pesantren ialah perkataan Jawa yang sama maksud dengan pondok atau madrasah, iaitu tempat mengaji ilmu agama Islam.

ilmu yang dimiliki. Contohnya, guru yang alim di dalam bidang tasawuf, fekah, ilmu kalam atau pun bidang tatabahasa khususnya bahasa Arab. Pelajar akan mencari sistem pendidikan pondok berasaskan kemasyhuran tersebut.⁸ Aspek di atas menjadi faktor utama untuk menarik pelajar datang belajar dengan seseorang guru. Sebagai contoh, Pondok Bohor di Alor Setar Kedah misalnya mempunyai lebih dari 300 buah.⁹

Pelajar-pelajar yang menuntut di sekolah pondok terdiri daripada pelbagai lingkungan usia iaitu antara 9 tahun sehingga 25 tahun. Ketika zaman awal persekolahan pondok, para pelajar pada waktu dahulu biasanya membina kediaman atau pondok mereka sendiri dengan bantuan tenaga dan material daripada para penduduk kampung. Penduduk kampung menganggap kehadiran sekolah pondok sebagai suatu kebanggaan kepada mereka. Pondok yang dibina biasanya merupakan sebuah bilik ringkas daripada buluh, papan dan atap nipah serta berdiri di atas tiang-tiang lazimnya seperti rumah-rumah penduduk Melayu lain pada ketika itu. Setiap pondok kediaman biasanya didiami oleh dua atau tiga orang pelajar. Sesebuah komuniti pondok boleh berkembang sehingga merangkumi antara 250 ke 500 orang pelajar. Komuniti sebesar ini biasanya memiliki sebuah madrasah yang berfungsi sebagai pusat pembelajaran.¹⁰

Tanah yang menjadi tapak persekolahan pondok adalah berkeluasan beberapa ekar dan dimiliki sepenuhnya oleh Tok Guru atau pun merupakan tanah wakaf¹¹. Para pelajar tidak perlu membayar sebarang yuran pengajian manakala makanan dan keperluan asas pelajar dibiayai oleh keluarga masing-masing. Para penduduk kampung turut memberikan bantuan dalam bentuk padi zakat serta derma barangan dan makanan bagi membantu Tok Guru dan para pelajar pondok. Terdapat juga komuniti pondok yang bercucuk tanam buah-buahan dan sayur-sayuran di tanah tersebut. Pembantu guru dan pelajar senior pula boleh mencari upah dengan mengajar anak-anak penduduk kampung dan kawasan sekitar mengaji dan menghafaz al-Quran. Mereka juga diupah untuk majlis-majlis, kenduri dan upacara seperti doa selamat, perkahwinan, kematian, tahlil dan sebagainya.¹² Selain itu, sebelum wujudnya penguatkuasaan kutipan zakat oleh Jabatan Agama, hasil zakat dikuasai oleh guru-guru pondok kerana mereka termasuk dalam golongan asnaf fi sibilillah (berjuang di jalan Allah) yang layak menerima zakat. Sumber pendapatan inilah yang digunakan oleh guru untuk menyara kehidupan harian keluarga, mengurus serta menyelenggara kawasan pondok.

Sistem Pendidikan Sekolah Pondok

Kaedah pendidikan yang diamalkan oleh sekolah pondok adalah secara "Iwlaqah" iaitu duduk dalam bentuk bulatan melalui sistem "buka kitab". Melalui sistem ini, pelajar akan duduk bersila di atas lantai secara berkumpulan dalam separa bulatan di hadapan Tok Guru. Tok Guru kemudiannya akan membacakan kitab atau teks berkaitan sesuatu subjek dalam Bahasa Arab, yang kemudiannya diterjemah ke Bahasa Melayu sekiranya perlu. Para pelajar pula akan ikut

⁸ Fauziah Shaffie, *Institusi Pondok di Malaysia; Satu Sorotan Dari Perspektif Sejarah*, Jurnal Pembangunan Sosial, Jil 2, (Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2001) 127.

⁹ Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, KL, (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 196.

¹⁰ William R. Roff, (1967), 119.

¹¹ Wakaf ialah sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai.

¹² *Ibid*, 119.

membaca kitab atau teks masing-masing dan mencatat nota-nota dalam Bahasa Melayu. Prinsip utama sistem pendidikan ini adalah secara “taqlid” dan “hafazan”. Tiada perbincangan atau perdebatan atas dasar ilmu yang disampaikan secara lisan tersebut adalah tidak boleh diubah-ubah.¹³

Subjek-subjek asas pendidikan yang diajarkan di sekolah pondok termasuklah Tauhid¹⁴, Tafsir al-Quran¹⁵, Hadis¹⁶, Usul al-Fiqh¹⁷, Tasawuf¹⁸ dan Bahasa Arab. Manakala sekolah-sekolah pondok yang lebih besar pula turut mengajar subjek-subjek lain yang lebih luas seperti Mantiq¹⁹, Balaghah²⁰, Nahu²¹, Saraf²² dan sebagainya.²³ Para pelajar akan diletakkan dalam beberapa kumpulan berdasarkan pencapaian dalam setiap subjek pelajaran, termasuklah keupayaan menghafal sesebuah kitab atau teks sepertimana yang diajarkan oleh Tok Guru. Tempoh pembelajaran di sekolah pondok boleh mencapai antara dua tahun sehingga sepuluh tahun atau lebih bergantung kepada tahap kemajuan dan kebolehan pelajar.²⁴ Para pelajar yang telah menamatkan pengajian di sekolah pondok kemudiannya akan mengisi kekosongan jawatan sebagai qadi, imam, guru, ahli jawatankuasa masjid dan penguatkuasa agama. Terdapat juga ramai bekas pelajar pondok yang terlibat dalam penerbitan media bercetak seperti akhbar, jurnal, buku, risalah dan sebagainya ketika zaman pra kemerdekaan Malaya bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya ilmu agama Islam dan membangkitkan semangat nasionalisme menentang penjajah.

Pelajar jurusan sekolah pondok yang berjaya menamatkan pengajian mereka di pondok tidak diberi sijil sebagai tanda mereka menamatkan pengajian. Mereka hanya dibekalkan dengan ilmu pengetahuan. Tahap dan kemampuan ilmu yang dimiliki memberi lesen untuk pelajar melanjutkan pengajian di tempat lain terutama di Hijaz (Mekah dan Madinah). Ia sebagai usaha untuk melayakkan diri menjadi seorang ulama. Ini menunjukkan adanya kesinambungan ilmu secara berterusan terutama kearah mendalami ilmu yang dipelajari dari kitab-kitab

¹³ Juan R.I Cole, *Comparing Muslim Societies: Knowledge and the State in World Civilization*, Ann Arbor (MI: University of Press, 1922), 97-132.

¹⁴ Ilmu Tauhid ialah ilmu berkenaan keesaan Allah, iaitu mengakui dengan sepenuh hati bahawa Allah itu esa (satu).

¹⁵ Tafsir ialah keterangan dan penjelasan berkenaan ayat-ayat suci al-Quran. Ahli tafsir pula ialah bijak pandai yang menerangkan maksud dan tujuan ayat-ayat al-Quran.

¹⁶ Hadis atau Sunnah ialah peraturan dalam agama Islam yang berdasarkan perbuatan atau percakapan Nabi Muhammad s.a.w.

¹⁷ Usul al-Fiqh ialah ilmu mengajar kemahiran mengistinbat hukum hakam daripada dalil syarak, iaitu al-Quran dan hadis, ijmak dan qias.

¹⁸ Tasawuf ialah ilmu mengenal Tuhan dengan benar-benar dan mendekatkan diri dengan Tuhan.

¹⁹ Mantiq ialah ilmu pengetahuan tentang cara berfikir berdasarkan logik akal.

²⁰ Balaghah ialah satu subjek dalam pendidikan yang mengajar tentang kesenian dan ketinggian Bahasa Arab.

²¹ Nahu ialah subjek yang mengajar tentang tatabahasa Arab.

²² Saraf ialah subjek yang mengajar pembentukan perkataan Arab dan pecahannya.

²³ Mohd Nor b. Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1982).

²⁴ William R. Roff, (1967), 119.

karangan ulama Tanah Arab. Sebagai contoh, pada akhir abad ke 17M, Sheikh Abdul Malik Abdullah dari Terengganu telah menyambung pengajian di Mekah setelah lama menuntut di Aceh. Begitu juga dengan Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Sheikh Nawawi al-Bantani dan Sheikh Daud al-Fatani. Mereka bukan sahaja belajar di Mekah tetapi juga diberi pengiktirafan untuk mengajar di Masjid al-Haram Mekah serta bermastautin lama di sana. Inilah lambang ketinggian ilmu dan keserjanaan yang dimiliki oleh ulama pondok. Mereka tidak hanya terkenal di Alam Melayu tetapi juga di peringkat antarabangsa. Tumpuan lepasan pengajian pondok berhijrah Hijaz setelah tamat pengajian mereka di Alam Melayu kerana menginginkan keberkatan silsilah guru yang mewarisi ilmu hingga sampai ke Rasulullah s.a.w. di samping Hijaz sebagai tempat pengajian yang tersohor dalam dunia Islam.

Abad ke-20 melihat kepada beberapa perubahan terhadap sistem sekolah pondok di seluruh negara. Memandangkan pada ketika itu pentadbiran British telah menguasai keseluruhan Tanah Melayu, sekolah-sekolah kerajaan semakin banyak di bina. Bagaimanapun sekolah-sekolah ini hanya membekalkan pendidikan asas kepada pelajar-pelajar seperti membaca, menulis dan mengira dan bertujuan hanya untuk mendidik para pelajar agar berdisiplin dan menepati masa bagi tujuan menjadikan mereka nelayan dan petani yang lebih efektif. Sistem pendidikan ini tidak mendapat sambutan terutamanya daripada kalangan masyarakat Melayu. Kaum Melayu menganggap pendidikan di sekolah kerajaan akan menjauhkan anak-anak Melayu dari Islam. Bagaimanapun mereka tetap sedar akan kepentingan pendidikan terhadap generasi muda, justeru itu ia menjadi penggalak kepada pembinaan sekolah-sekolah agama rakyat termasuklah pondok dan madrasah generasi baru.

Selain itu, dasar pihak British yang mengambil alih semua urusan pemerintahan selain hal-hal berkaitan agama Islam dan adat Melayu juga sebenarnya secara tidak langsung menyebabkan kaum Melayu yang telah kehilangan kuasa politik menumpukan perhatian terhadap pembangunan berkaitan agama Islam. Menjelang tahun 1880an, setiap negeri di Malaya telah mengukuhkan sistem perundangan Islam seperti hal-hal berkaitan pendaftaran perkahwinan dan penceraian, sistem mahkamah syariah yang lebih berpusat, penubuhan Baitulmal bagi menguruskan aset-aset waqaf, pusat pungutan zakat berpusat dan jawatankuasa penguatkuasa agama terhadap kesalahan-kesalahan seperti zina. Selain itu Majlis Agama juga ditubuhkan dan mempunyai kuasa menentukan fatwa-fatwa, memberi tauliah kepada guru agama, ustaz dan penceramah agama, membanteras ajaran sesat dan juga melantik pegawai Muslim seperti Mufti, Qadi, Naib Qadi, imam kampung dan pegawai pencegah maksiat. Pejabat Agama turut ditubuhkan bagi menangani hal-hal berkaitan agama Islam. Perkembangan ini menyebabkan berlakunya permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja berpendidikan Islam bagi mengisi jawatan-jawatan pada pelbagai peringkat di mana kebanyakan mereka adalah lulusan daripada sekolah pondok dan madrasah.

Kemerosotan Institusi Sekolah Pondok

Operasi dan perkembangan sekolah pondok mula terbantut ketika zaman penjajahan Jepun di Malaya. Keadaan ini berterusan setelah tamatnya pendudukan Jepun dan British kembali memerintah. Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kemerosotan sekolah-sekolah pondok. Merujuk kepada keterangan yang dinyatakan oleh Khoo Kay Kim iaitu:²⁵

²⁵ Ishak Saat dan Mohd Akbal Abdullah, *Isu-Isu Terpilih dalam Sejarah Politik dan Perjuangan (Johor, Malaysia: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2010), 38.*

“There was a basic fear that a more sophisticated form of education, if made available to the Malays, could unleash unpredictable to the force which might pose problems difficult for the British to cope with.”

Rumusan daripada Khoo Kay Kim ini, secara langsung menguatkan lagi fakta bahawa pihak kolonial mempunyai niat untuk tidak mahu memajukan orang Melayu kerana gentar akan risiko kemungkinan lahir kumpulan penentang dan puak pelampau yang akan mencetuskan gerakan perjuangan kemerdekaan.²⁶

Merujuk pula keterangan daripada seorang pegawai pendidikan British, Arthur N. Kenion iaitu:²⁷

“... awak boleh mengajar orang-orang Melayu awak itu supaya tinggal terus di sawah-sawah padi dan supaya mereka tidak hilang kemahiran dan kesenian dalam kerja-kerja menangkap ikan dan kerja-kerja hutan. Ajarkan mereka supaya mereka memuliakan kerja buruh... dan saya yakin awak tidak akan menghadapi kekacauan seperti yang terjadi di India akibat pelajaran yang berlebihan.”

Lantaran daripada keterangan pihak kolonial tersebut telah menjelaskan lagi hakikat yang sebenarnya adalah pihak British sangat takut akan kemajuan yang bakal dikecapi oleh orang Melayu sekiranya diwujudkan kepada mereka peluang pendidikan yang cerah sekali gus dapat menjejaskan kewibawaan pihak British. Justeru, pihak British telah menyekat sistem pendidikan orang Melayu dan menggalakkan mereka bekerja sebagai petani sahaja.

Setelah tamat zaman penjajahan dan Malaysia mencapai kemerdekaan, institusi pendidikan pondok teruk menyaksikan kemerosotan. Salah satu faktornya adalah diakibatkan oleh persaingan dengan Sekolah Agama Kerajaan yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri dan Majlis Agama yang bermula sejak 1920-an. Sekolah Agama Kerajaan merupakan suatu sistem baru dalam pendidikan Islam yang mengikut struktur dan gaya penjajah British. Penubuhan Sekolah Agama Kerajaan adalah disebabkan oleh rasa perlunya pihak kerajaan untuk campur tangan dalam urusan pendidikan agama Islam bagi memastikan pendidikan yang diajar adalah terkawal dan teks-teks serta kitab yang diajar ditapis sumbernya bagi memastikan tiada unsur-unsur radikal agar tidak berlaku penentangan terhadap kerajaan.

Sistem Sekolah Agama Kerajaan yang lebih tersusun, digabungkan dengan sistem pendidikan sekular dengan standard yang ditetapkan untuk guru dan pelajar, serta pelaksanaan sistem peperiksaan dan sijil keputusan yang penting sebagai syarat untuk bekerja dengan kerajaan, menjadikan Sekolah Agama Kerajaan lebih popular di kalangan pelajar. Selain Sekolah Agama Kerajaan, lulusan sekolah pondok juga terpaksa bersaing untuk menjawat jawatan dalam kerajaan dengan bekas pelajar lulusan Universiti Islam dari Timur Tengah.²⁸ Kemunculan sistem baru ini telah menyebabkan sistem pendidikan pondok kurang diminati kerana ia tidak menawarkan nilai ekonomi kepada pelajarnya. Hal ini menyebabkan banyak sekolah-sekolah

²⁶ Kassim Thukiman, Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik, (Universiti Teknologi Malaysia, 2002) 90.

²⁷ Ishak Saat dan Mohd Akbal Abdullah, Isu-Isu Terpilih dalam Sejarah Politik dan Perjuangan, (Penerbit UTHM, 2010) 40.

²⁸ William R. Roff, (1967), 125-127.

pondok terpaksa dirobuhkan atau pun ditutup. Banyak pondok-pondok tidak dapat bertahan lama dan ramai masyarakat Melayu yang tidak dapat sambung pembelajaran mereka.

Usaha Mengembalikan Dan Memperkasakan Sekolah Pondok

Sistem pengajian pondok di Malaysia sudah tidak asing dan mempunyai nilai tradisi yang sangat tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu. Kerajaan baru yang memerintah sedar akan senario kemerosotan sekolah-sekolah pondok. Maka pada tahun 1956, ketika negara menghampiri kemerdekaan, sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi mengkaji keadaan sekolah-sekolah agama bukan kerajaan iaitu sekolah pondok dan membentangkan cadangan bagi mendapatkan bantuan dana kewangan. Bagaimanapun laporan jawatankuasa khas berdasarkan lawatan terhadap 76 buah pondok dan madrasah menunjukkan bahawa banyak sekolah-sekolah pondok yang berada dalam keadaan terabai. Jawatankuasa tersebut antaranya melaporkan bahawa pengurusan sekolah pondok adalah sangat lemah dan hanya bergantung kepada Tok Guru yang mengasaskan sekolah pondok tersebut, keadaan kewangan sekolah pondok yang tidak menentu, yang mana hanya bergantung kepada sumbangan daripada keluarga pelajar yang miskin, derma, bantuan zakat dan harta wakaf. Gaji para guru juga terlalu sedikit, standard mengajar yang tidak selaras dan kaedah pembelajaran yang lemah. Ketiadaan sistem peperiksaan dan usaha untuk mengajar subjek lain selain agama menyukarkan para pelajar untuk berpindah ke institusi pendidikan lain.²⁹

Pelbagai inisiatif telah diambil bagi mengembalikan kegemilangan sekolah pondok oleh kerajaan dengan memberi pelbagai bantuan dari segi kewangan dan sokongan dengan mengiktiraf pusat pengajian pondok. Dengan bantuan dan sokongan pelbagai pihak, kebanyakan pusat pengajian pondok semakin moden dan menawarkan pelbagai aliran integrasi pendidikan al-Quran dan akademik mengikut kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. Walaupun reputasi sekolah pondok dicemari dengan beberapa skandal melibatkan sindiket yang mempergunakan pelajar-pelajar pondok untuk meminta sedekah bagi mengaut untung, namun demi mendapat pendidikan agama yang terbaik, ibu bapa sanggup berpisah dengan anak-anak dan menghantar mereka ke sekolah pondok yang kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar. Maka adalah penting bagi ibu bapa untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah pondok tersebut merupakan sekolah yang berdaftar dengan jabatan agama negeri dan Majlis Agama Kebangsaan supaya pihak berwajib boleh membuat pemantauan terhadap sistem pendidikan sekolah berkenaan. Kebanyakan ibu bapa memilih sekolah pondok yang juga menawarkan pendidikan akademik kerana mahukan pendidikan yang seimbang dan tidak mahu anak mereka tertinggal dalam bidang akademik yang menjadi keperluan dunia kini manakala ilmu al-Quran menjadi saham akhirat.

Kelahiran Dasar Pelajaran Kebangsaan (Penyata Pelajaran Razak 1956 dan Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960) telah memulakan pengubahsuaian kurikulum sekolah-sekolah pondok, agama dan madrasah agar selari dengan dasar pendidikan kerajaan Malaysia. Sekolah-sekolah agama dibahagikan kepada empat kategori iaitu sekolah agama rakyat seperti Markas Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Lil Banat di Klang yang ditubuh dan dikendalikan oleh rakyat, sekolah agama kerajaan negeri seperti Sekolah Menengah Agama Hishamuddin di Selangor yang di bina dan kendalikan oleh kerajaan negeri melalui majlis agama negeri, sekolah agama di

²⁹ Haji Abdullah Ishak, Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 237.

bawah kelolaan majlis agama dan zakat, manakala kategori terakhir ialah sekolah agama di bawah Kementerian Pendidikan seperti Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang.³⁰

Sistem terbuka peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diperkenalkan pada tahun 2000 pula telah memudahkan sekolah-sekolah pondok memperluaskan skop pendidikan. Lulusan sekolah pondok kini bukan sahaja diiktiraf, malah berpeluang menyambung pengajian ke peringkat universiti di beberapa universiti tempatan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Selangor, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Islam Antarabangsa dan Kolej Universiti Sultan Azlan Shah. Selain itu kerajaan turut menubuhkan Institusi Pengajian Tinggi Tahfiz al-Quran, Darul Quran yang menawarkan program pengajian seperti Diploma Tahfiz. Menurut Ketua Eksekutif Yayasan Pengajian Pondok Malaysia, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim³¹, pelajar-pelajar lulusan sekolah pondok kini berpeluang mendapat pekerjaan bertaraf professional seperti doktor, jurutera, pensyarah, peguam dan hakim mahkamah Syariah.³²

Walaupun sekolah pondok pada zaman moden masih terus mengekalkan konsep di mana keperluan persekitaran pondok adalah amat asas, tetapi terdapat banyak peningkatan taraf dari segi prasarana dan sistem pengurusan berbanding sekolah pondok pada zaman awal. Sebagai contoh, Sekolah Pondok Bustanul Arifin yang terletak di Kampung Labohan Dagang, Banting, Selangor merupakan antara sekolah pondok zaman moden yang terkenal di Selangor. Seperti sekolah-sekolah pondok moden masa kini, Pondok Bustanul Arifin yang di bina di atas tanah wakaf berkeluasan 3 ekar ini dilengkapi dengan 18 buah pondok, 3 buah kelas, sebuah dewan serta sebuah surau yang mampu menempatkan 200 jemaah. Di samping itu terdapat juga 7 buah rumah untuk para ustaz dan juga kakitangan pondok di sekitar kawasan sekolah pondok tersebut. Para pelajar pula ditempatkan di dua buah asrama yang diasingkan bagi pelajar lelaki dan perempuan. Terdapat juga sekolah-sekolah pondok yang menyediakan rumah kelamin bagi warga tua yang tinggal di komuniti pondok. Pengasasnya, Ustaz Haji Ahmad Ansory b. Morshid, menganggap sistem pengajian Islam yang berteraskan tradisi pondok masih lagi relevan dan diperlukan pada masa kini. Atas dasar itulah, Pondok Bustanul Arifin menerima masuk pelajar-pelajar dari pelbagai latar belakang untuk dididik dengan acuan tarbiyyah Islam. Pondok ini yang bermula dengan hanya 3 orang pelajar kini berkembang mencecah hampir 150 orang.³³

Madrasah Islamiah Jenderam Hilir atau juga lebih dikenali sebagai Yayasan Al-Jenderami pula merupakan pusat pengajian pondok termoden di kawasan Selangor dan Kuala Lumpur. Pondok Yayasan Al-Jenderami yang terletak di Kampung Baru, Dengkil, Selangor ini diasaskan oleh Tuan Guru Haji Muhamad Hafidz Selamat yang lebih popular dengan gelaran Syeikh Hafidz Al-Jenderami dan di bina bercirikan unsur kemodenan tamadun Islam. Projek pembinaan pondok ini dibiayai oleh sumbangan masyarakat serta beberapa badan korporat. Yayasan Al-Jenderami yang bermula dengan 50 orang pelajar pada tahun 1985 kini telah menghasilkan lebih daripada 5000 pelajar. Pondok Yayasan Al-Jenderami mempunyai keluasan seluas 26 ekar untuk perkampungan manakala kawasan seluas 4 ekar lagi diperuntukkan bagi kompleks bangunan

³⁰ Mohd Nazri Ibrahim, Mohd Zulkifli Husain, Norina Norani, et. al., *Perspektif Islam di Malaysia*, Jabatan Pengajian Islam dan Media Universiti Malaya & Hizbi Sdn. Bhd., 1998, hlm. 24-25.

³¹ www.yppm.org.my diakses pada 7/4/2015.

³² http://sinarharian.com.my/edisi_/selangor-kl/usah-pandang-rendah-lulusan-sekolah-pondok-1.21854 diakses pada 7/4/2015.

³³ www.pondoksyatariyyah.org. diakses pada 5/4/2015.

Yayasan Al-Jenderami yang bersepadu. Kompleks Komuniti Islam Yayasan Al-Jenderami ini terdiri daripada masjid, 5 buah dewan serbaguna, madrasah, pondok, dataran, koperasi, kedai runcit dan kedai makan. Selain itu di kawasan ini turut di bina kemudahan penginapan bagi pelawat-pelawat luar yang datang mengikuti program atau sekadar menziarah seperti homestay dan Al-Jenderami Inn. Selain daripada kelas-kelas pondok untuk pelajarannya, Pondok Yayasan Al-Jenderami turut sering mengadakan pelbagai program-program, kursus dan kelas-kelas ilmu agama yang memberi penekanan terhadap ilmu-ilmu fardhu ain yang asas kepada sesiapa sahaja yang berminat. Para peserta program-program anjuran Yayasan Al-Jenderami ini biasanya terdiri daripada individu-individu berusia 17 tahun ke atas dari Malaysia, Singapura dan Brunei. Selain itu Yayasan Al-Jenderami turut aktif menganjurkan aktiviti-aktiviti bulanan seperti majlis-majlis ilmu, maulid, ceramah agama, hadrah, qasidah, Haul, aktiviti gotong-royong dan sebagainya.³⁴

Berbeza dengan sekolah-sekolah pondok terdahulu, sekolah-sekolah pondok di Selangor kini turut mengenakan yuran pengajian secara bulanan kepada para pelajar tetapi dalam kadar yang sangat minima antara RM30- RM150 bergantung kepada pengurusan dan kemudahan sekolah pondok terbabit. Yuran ini digunakan bagi menampung perbelanjaan bil air, elektrik, kerja-kerja pembersihan, baik pulih dan pentadbiran. Sebahagian yuran turut digunakan untuk membayar gaji tenaga pengajar.³⁵ Antara sekolah-sekolah pondok lain yang terdapat di Selangor pada hari ini termasuklah Raudhatul Ulum di Ulu Selangor, Madrasah Diniyah Ahmadiyah di Kajang dan Madrasah Tahfiz Al-Quran Lil Banin di Dengkil.

Terkini terdapat usul daripada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia untuk menjadikan sekolah pondok sebagai sebuah tempat tarikan perlancongan bagi memperkuatkan imej negara dalam pasaran perlancongan Islam dan mengembalikan kegemilangan institusi pendidikan tersebut. Ketua Pengarah Pusat Pelancongan Islamik (ITC), Abdul Khani Daud berkata institusi sekolah pondok dilihat berpotensi untuk dipromosi sebagai produk perlancongan Islam melalui sektor pelancongan pendidikan Malaysia dengan menjadikan sekolah pondok sebagai inep desa atau pusat pelancongan yang boleh dilawati pelancong.³⁶ Menurut Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Mohamaddin Ketapi berkata antara kriteria yang bakal diletakkan oleh kerajaan adalah sekolah pondok tersebut mestilah mempunyai kemudahan asrama yang lengkap dan kerajaan juga akan memperuntukan ruangan khas bagi para pelancong untuk tinggal dan merasai pengalaman berada di sekolah pondok.³⁷ Cadangan ini bagaimanapun mendapat sambutan yang berbelah bahagi di kalangan masyarakat Malaysia di mana segelintir bersetuju dengan usaha kerajaan tersebut yang dilihat bukan sahaja dapat mempopularkan kembali sekolah pondok tetapi juga memberi peluang pelajar sekolah pondok mempelajari sisi budaya lain selain di sekolah di samping menjana ekonomi sektor pelancongan negara. Manakala sebahagian masyarakat menentang idea tersebut kerana bimbang imej dan tujuan asal sekolah pondok sebagai pusat pengajian agama Islam tercemar.

³⁴ www.aljenderami.com.my diakses pada 5/4/2015.

³⁵ www.pondoksyatariyyah.org. diakses pada 5/4/2015.

³⁶ Hanneeyzah Bariah Baharin, Malaysia sasar pelancong Asia Tengah, perkukuh destinasi pelancongan Islam unggul, Berita Harian Online, 15 April 2019.

³⁷ Hidayah Mohammad, Portal halalholiday.com pacu sektor mesra pengembara Muslim, Berita Harian Online, 11 Julai 2019.

Selain itu, terdapat juga usaha-usaha lain seperti program pendidikan warga emas di institusi sekolah pondok. Sebagai contoh seperti yang dilaksanakan di pondok Al-Jenderami di Negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian Penghijrahan warga emas ke institusi pondok bagi tujuan menuntut ilmu juga semakin diterima masyarakat. Peningkatan jumlah institusi pondok yang wujud telah menunjukkan terdapat kecenderungan yang tinggi di kalangan golongan warga emas untuk berhijrah menetap dan belajar di institusi pondok. Penghijrahan warga emas ke institusi pondok dilihat sebagai satu usaha untuk mengatasi masalah kekangan dalam mengamalkan amalan agama secara sempurna.³⁸

Kesimpulan

Sejak awal zaman penubuhannya, sistem pengajian pondok telah menghasilkan ramai tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan, alim ulama dan tokoh masyarakat yang disegani dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Pengajian pondok bukan sahaja menjadi kaedah alternatif kepada masyarakat Melayu untuk menuntut ilmu khususnya dalam bidang agama, tetapi ia juga menjadi suatu lambang tradisi masyarakat Melayu dan Islam di Malaysia. Walaupun sekolah pondok pernah mengalami zaman kemerosotan, namun sekolah pondok mula berkembang kembali ekoran sambutan dan permintaan daripada masyarakat. Pelajar hasilan pondok juga dilihat sebagai model contoh dari segi akhlak dan pengetahuan agama serta manjadi rujukan kepada masyarakat khususnya di Malaysia. Sebagai institusi pendidikan Islam terawal dan tertua di negara ini, terdapat tiga faktor utama yang menjadi cabaran kepada perkembangan sekolah pondok iaitu kurikulum, kewangan dan pengurusan. Sekolah pondok yang baik memerlukan sistem pengajian pondok yang sistematik dengan pengurusan dan pentadbiran yang baik, serta dana kewangan yang kukuh. Pihak pengurusan pondok perlu menjalankan kerjasama dengan pihak luar bagi melancarkan tugas serta mampu untuk mencapai matlamat. Selain itu intitusi pondok juga perlu memastikan tenaga pengajar di pondok adalah mereka yang bukan sahaja berkelayakkan tetapi juga mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik. Hanya dengan itu barulah sekolah pondok mampu kembali melahirkan ulama', pentadbir, tokoh-tokoh masyarakat yang disegani dan tokoh politik Islam yang benar-benar menegakkan Islam.

Rujukan

Abdullah Ishak (1992), *Islam di India, Nusantara dan China*, (Kl; Nurin Enterprise).

Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, KL, (DewanBahasa dan Pustaka).

Azyumardi Azra (1999), *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam* (Jakarta: PT Logos).

Elmi Baharuddin & Zainab Ismail (2013). Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua Dengan Amalan Agama Di Rumah Kebajikan. *Jurnal Islamiyyat*.

³⁸ Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. (2013). Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua Dengan Amalan Agama Di Rumah Kebajikan. *Jurnal Islamiyyat*, 35(1), 20-21.

- Fauziah Shaffie (2001), *Institusi Pondok di Malaysia; Satu Sorotan Dari Perspektif Sejarah*, Jurnal Pembangunan Sosial, Jil 2, (Penerbit Universiti Utara Malaysia).
- Ishak, S., & Shafie, F. (1998). *Pondok sebagai satu pilihan tempat tinggal di kalangan orang tua*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ishak Saat dan Mohd Akbal Abdullah (2010), *Isu-Isu Terpilih dalam Sejarah Politik dan Perjuangan* (Johor, Malaysia: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Hanneeyzah Bariah Baharin (15 April 2019), *Malaysia sasar pelancong Asia Tengah, perkukuh destinasi pelancongan Islam unggul*, Berita Harian Online.
- Hidayah Mohammad (11 Julai 2019), *Portal halalholiday.com pacu sektor mesra pengembara Muslim*, Berita Harian Online.
- Juan R.I Cole (1922), *Comparing Muslim Societies: Knowledge and the State in World Civilization*, Ann Arbor (MI: University of Press).
- Luqman Yusuf. (2000). *Keberkesanan Sistem Pengajian Pondok: Satu Kajian Khusus Mengenai Pusat Pengajian Pondok, Bachok Kelantan dari Tahun 1984 Hingga 1997*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kassim Thukiman (2002), *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*, (Universiti Teknologi Malaysia).
- Mohd Nazri Ibrahim, Mohd Zulkifli Husain, Norina Norani, et. al. (1998), *Perspektif Islam di Malaysia*, Jabatan Pengajian Islam dan Media Universiti Malaya & Hizbi Sdn. Bhd.
- Mohd Nor b. Ngah (1982), *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies).
- Syed Husin, A. (1968). *Patterns of rural leadership in Malaya*. JMBRAS.
- William R. Roff (2009), *Studies on Islam and Society in Southeast Asia* (NUS Press Singapore).
- William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism* (New Haven. CT: Yale University Press).
- www.aljenderami.com.my diakses pada 5/4/2015.
- www.pondoksyatariyyah.org. diakses pada 5/4/2015.
- [http://sinarharian.com.my/edisi /selangor-kl/usah-pandang-rendah-lulusan-sekolah-pondok-1.21854](http://sinarharian.com.my/edisi_selangor-kl/usah-pandang-rendah-lulusan-sekolah-pondok-1.21854) diakses pada 7/4/2015.
- www.yppm.org.my diakses pada 7/4/2015.